

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKP 101 – Pengantar Sains Politik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **SEMUA** soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 70 markah dan Bahagian B diperuntukkan 30 markah.

BAHAGIAN A

1. Istilah 'politik' yang pelbagai mempunyai sifat-sifat berikut kecuali _____.
 - A. Tingkah laku manusia dalam pembahagian kuasa.
 - B. Pembahagian kuasa mutlak pemerintahan.
 - C. Persoalan pembentukan dan pengagihan kuasa.
 - D. Satu proses sosial untuk menentukan matlamat sesuatu sistem politik.
 - E. Persoalan kuasa.

2. Unsur terpenting yang membezakan antara politik moden dengan politik tradisional ialah _____.
 - A. Institusi negara.
 - B. Kedaulatan rakyat.
 - C. Corak pemerintahan moden.
 - D. Pemerintah yang berperikemanusiaan.
 - E. Kuasa pemerintah yang bercorak mutlak.

3. Pendekatan ini menyaksikan kesedaran para sarjana politik tentang pengaruh tingkah laku, psikologi dan kebudayaan yang berperanan besar dalam kegiatan politik harian.
 - A. Universalisme.
 - B. Legalisme.
 - C. Kumpulan Politik Perbandingan.
 - D. Realisme.
 - E. Behaviouralisme.

4. Menurut Max Weber, seseorang individu atau institusi mempunyai legitimasi berlandaskan _____.
 - i. Kekayaan dan harta yang dipunyai.
 - ii. Paksaan oleh pemerintah.
 - iii. Unsur-unsur amalan tradisi.
 - iv. Ia tidak menggunakan kuasa paksaan.
 - v. Undang-undang negara.
 - vi. Kepercayaan umum bahawa beliau mempunyai sifat-sifat mulia dan luar biasa.
 - vii. Kuasa yang dimiliki.

- A. i, ii dan vii.
 - B. iii, iv, v dan vi.
 - C. iii, v dan vi.
 - D. v dan vii.
 - E. i, iii, v, vi dan vii.
5. Ideologi bermaksud _____.
- A. Susunan atau organisasi maklumat, sifat dan nilai dan melaluinya satu cara untuk berfikir dan bertindak tentang manusia dan masyarakat.
 - B. Susunan pendirian peribadi individu tentang fenomena politik dan melaluinya satu cara untuk berfikir dan bertindak tentang manusia dan masyarakat.
 - C. Susunan atau organisasi pendapat, sifat dan nilai dan melaluinya satu cara untuk berfikir tentang manusia dan masyarakat.
 - D. Susunan atau organisasi pendapat, sifat dan nilai dan melaluinya satu cara untuk berfikir dan bertindak tentang manusia dan masyarakat.
 - E. Peraturan pendirian tentang nilai-nilai suci dan melaluinya satu cara untuk berfikir dan bertindak tentang manusia dan masyarakat.
6. Berikut merupakan fungsi-fungsi ideologi dalam politik dan masyarakat kecuali _____.
- i. Ia mengesahkan corak pemerintahan yang diperkenalkan oleh pemerintah.
 - ii. Ia mempertahankan kesahan pemerintahan yang ada.
 - iii. Ia menghubungkan rakyat dan pemerintah.
 - iv. Ia mengerah sokongan rakyat terhadap pemerintah.
 - v. Ia menolak keadaan sedia ada (status quo).
 - vi. Ia menentukan sempadan tuntutan ke atas sistem politik.
- A. i dan ii.
 - B. ii, iii, iv dan vi.
 - C. i, iv dan v.
 - D. i, ii, iii, iv dan vi.
 - E. i, ii, iii, iv, v dan vi.
7. Sistem demokrasi berparlimen memilih ketua eksekutifnya melalui _____.
- A. Para pengundi secara langsung semasa pilihan raya.
 - B. Anggota parti yang memperolehi majoriti dalam dewan perundangan secara tidak langsung.
 - C. Ketua negara.
 - D. Ketua pemerintah.
 - E. Ketua parti politik.

8. Pernyataan berikut adalah tidak benar tentang doktrin pengasingan kuasa.
- A. Ia bertujuan untuk menjamin kebebasan rakyat jelata.
 - B. Ia menjadi asas perlembagaan Amerika Syarikat.
 - C. Ia dipelopori oleh Montesquieu.
 - D. Ia merupakan satu doktrin yang mengesyorkan kerajaan bercorak demokrasi.
 - E. Ia merupakan satu doktrin penting untuk menegakkan kerajaan bercorak autokratik.
9. Negara-negara yang mengamalkan corak pemerintahan demokrasi berparlimen menggunakan doktrin pengasingan kuasa yang diubah suai iaitu _____.
- A. Kuasa parti politik dan dewan perundangan digabungkan.
 - B. Badan perundangan dan badan eksekutif dianggotai oleh orang yang sama.
 - C. Pentadbir awam turut menganggotai dewan perundangan.
 - D. Ahli parti politik juga memegang kuasa dalam parlimen.
 - E. Ahli badan kehakiman berperanan menggubal undang-undang.
10. Menurut doktrin pengasingan kuasa, badan eksekutif menjalankan beberapa fungsi termasuk _____.
- i. Menguatkuasa undang-undang.
 - ii. Menguatkuasa keputusan Raja.
 - iii. Menguatkuasa keputusan mahkamah.
 - iv. Menjalankan pentadbiran negara.
 - v. Mengawasi badan kehakiman.
- A. i, ii, iii, iv dan v.
 - B. i, iv dan v.
 - C. i dan iv.
 - D. iv sahaja.
 - E. i, ii dan iii.
11. Menurut Karl Marx, sistem kehidupan sosial sama rata tanpa harta milik persendirian dan kehidupan berkelompok wujud semasa _____.
- A. Zaman Renaissance.
 - B. Zaman kontrak sosial.
 - C. Masyarakat bercorak kapitalis.
 - D. Masyarakat pra-teknologi purba kala.
 - E. Komunisme sempurna iaitu semasa manusia mencapai kehidupan kediktatoran pekerja.

12. Berikut merupakan satu pernyataan yang benar tentang sosialisme.
- A. Istilah sosialisme mula dipopularkan oleh Lenin dan para pengikutnya.
 - B. Sosialisme merupakan satu pendekatan falsafah yang kurang berunsurkan sains.
 - C. Sosialisme merupakan satu ideologi baru yang diperkenalkan oleh para pemikir sosialis.
 - D. Ia dipelopori oleh Karl Marx.
 - E. Idea-idea tentang sosialisme wujud beribu-ribu tahun sebelum abad ke 19.
13. Revolusi proletar anjuran Karl Marx bertujuan untuk _____.
- A. Menyekat kebebasan rakyat jelata.
 - B. Menegakkan kekuasaan golongan pemerintah.
 - C. Menggalakkan golongan proletar hidup selesa.
 - D. Menghancurkan negara borjuis.
 - E. Menegakkan keadilan.
14. Berikut merupakan ideologi-ideologi yang menyokong konsep negara, pemerintah dan kuasa.
- i. Fasisme.
 - ii. Marxisme
 - iii. Anarkisme.
 - iv. Totalitarianisme.
 - v. Demokrasi.
 - vi. Nasionalisme.
- A. ii dan iii.
 - B. i, iv, v dan vi.
 - C. i, v dan vi.
 - D. ii, iii, v dan vi.
 - E. v sahaja.
15. Berikut merupakan ciri-ciri utama negara moden kecuali _____.
- A. Penduduk.
 - B. Kawasan.
 - C. Kedaulatan.
 - D. Kerajaan.
 - E. Agama.

16. Istilah negara moden dipelopori oleh _____.
- A. Jean Jacques Rousseau.
 - B. Niccolo Machiavelli.
 - C. Abraham Lincoln.
 - D. R. M. MacIver.
 - E. Thomas Hobbes.
17. Teori perjanjian masyarakat atau teori kontrak sosial dipelopori oleh tiga orang sarjana politik terkemuka. Mereka yang dimaksudkan ialah _____.
- i. J. S. Mill.
 - ii. Thomas Paine.
 - iii. Thomas Jefferson.
 - iv. Thomas Hobbes.
 - v. John Locke.
 - vi. Jean Jacques Rousseau.
- A. iv, v dan vi.
 - B. i, ii dan iii.
 - C. i, v dan vi.
 - D. iii, iv dan v.
 - E. ii, v dan vi.
18. Berikut merupakan pernyataan-pernyataan yang benar tentang sistem demokrasi berpresiden di Amerika Syarikat.
- i. presiden yang dipilih secara langsung oleh rakyat merupakan ketua negara.
 - ii. Anggota kabinet merupakan ahli kongres.
 - iii. 'pengawasan dan penyeimbangan' (check and balance) adalah penting untuk mengimbangi kuasa antara badan-badan pemerintah.
 - iv. Institusi-institusi perundangan, eksekutif dan kehakiman merupakan tiga badan utama kerajaan.
 - v. Hakim berhak membatalkan undang-undang walaupun telah diluluskan oleh kongres.
- A. i, ii dan iii.
 - B. iii, iv dan v.
 - C. iii dan iv.
 - D. i, iii, iv dan v.
 - E. i, ii, iii, iv dan v.

19. Bagaimanakah kumpulan berkepentingan anomik timbul?
- A. Ia wujud di kalangan pengurus-pengurus agensi.
 - B. Ia sering memperjuangkan kepentingan berbentuk professional.
 - C. Ia wujud untuk menggembeleng tenaga rakyat jelata yang mempunyai pendirian yang sama.
 - D. Ia wujud secara spontan ekoran dari sesuatu isu.
 - E. Ia wujud untuk memperjuangkan sesuatu kepentingan awam.
20. Berikut merupakan kaedah-kaedah yang digunakan oleh kumpulan pendesak untuk mencapai matlamatnya kecuali _____.
- A. Mengadakan tindakan mogok kerja.
 - B. Berusaha untuk melantik ahli yang mendokong kepentingannya ke dewan perundangan.
 - C. Menjalankan kegiatan melobi.
 - D. Menganjurkan tindakan rusuhan.
 - E. Bertanding dalam pilihan raya.
21. Menurut pengelasan sistem parti, negara-negara seperti Saudi Arabia dan Brunei boleh diletakkan dalam kategori sistem _____.
- A. Satu parti tulen.
 - B. Dua parti.
 - C. Pelbagai parti.
 - D. Tiada parti.
 - E. Tiada parti dominan.
22. Parti yang dianggap sebagai parti anti-sistem merupakan _____.
- A. Parti yang diwujudkan oleh puak-puak dalam parti pemerintah dengan tujuan untuk mengukuhkan lagi kerajaan.
 - B. Parti yang diwujudkan oleh golongan yang menentang kerajaan.
 - C. Parti yang diwujudkan oleh penyokong dasar konservatif.
 - D. Parti yang diwujudkan oleh penyokong kerajaan.
 - E. Parti yang diwujudkan oleh pemerintah untuk mengurangkan tindakan pembangkang.

Berikut merupakan satu senarai tujuh buah negara. Gunakan senarai ini untuk menjawab soalan-soalan 23-28.

- i. Malaysia
- ii. Perancis
- iii. Singapura
- iv. United Kingdom
- v. India
- vi. Australia
- vii. Jerman

23. Negara-negara berikut mengamalkan sistem pilihan raya 'first-past-the-post-system'.

- A. i, vi dan vii.
- B. ii, iii, vi dan vii.
- C. i, iii, iv dan v.
- D. ii, v dan vii.
- E. ii, iv dan v.

24. Negara-negara berikut mengamalkan sistem perwakilan bernisbah.

- A. i, ii dan v.
- B. i, iii dan vii.
- C. i, v dan vii.
- D. ii, vi dan vii.
- E. ii, iii, iv dan v.

25. Negara ini mengamalkan corak pilihan raya awal dan pusingan kedua untuk menentukan Presiden dan juga pilihan raya dewan perundangan.

- A. i
- B. ii
- C. iii
- D. vi
- E. vii

26. Negara-negara berikut mempunyai Presiden sebagai Ketua Negara dan Ketua Kerajaan.
- A. ii
 - B. iii
 - C. v
 - D. vi
 - E. vii
27. Negara ini tidak mempunyai satu dokumen perlembagaan yang mengandungi segala peraturan pemerintahan negara.
- A. i
 - B. ii
 - C. iii
 - D. iv
 - E. vii
28. Negara ini mengamalkan pilihan raya bercorak sistem senarai.
- A. i
 - B. ii
 - C. iii
 - D. iv
 - E. vii
29. Pendekatan institusionalisme memberi penekanan terhadap _____.
- A. Struktur-struktur formal negara.
 - B. Pengajian tentang hal-hal berkaitan dengan manusia.
 - C. Pembentukan moral semua lapisan masyarakat.
 - D. Soal kewibawaan masyarakat.
 - E. Masyarakat akan berubah ke tahap kecemerlangan hidup.
30. Idea sosialisme berasal dari perbezaan penekanan antara _____.
- A. Golongan Marxis dengan golongan demokrasi.
 - B. Golongan yang memiliki harta dengan golongan yang tidak berharta.
 - C. Puak yang berpegangan idealis dengan yang berpegangan moralis.
 - D. Kebajikan perseorangan dengan kebajikan bersama.
 - E. Golongan kaya dengan golongan miskin.

31. Karl Marx berpendapat bahawa _____ harus dihapuskan demi mengubah nasib golongan pekerja.
- A. Institusi birokrasi.
 - B. Masyarakat komunisme.
 - C. Negara.
 - D. Negara proletar.
 - E. Negara borjuis.
32. Teori _____ mencadangkan bahawa kuasa perlu dibahagi-bahagi di kalangan beberapa institusi kerajaan untuk mengelakkan corak pemerintahan diktator.
- A. Teori Pembahagian Kuasa.
 - B. Teori Pengasingan Kuasa.
 - C. Teori Kawalan dan Keseimbangan.
 - D. Teori Demokrasi Liberal.
 - E. Teori Institusi Kerajaan.
33. Teori kontrak saranan John Locke mengatakan bahawa:
- i. Kuasa pemerintahan terletak di tangan rakyat jelata.
 - ii. Kuasa rakyat boleh diserahkan kepada wakil-wakil untuk menjalankan pemerintahan bagi pihak mereka.
 - iii. Kuasa kerajaan tidak boleh dihadkan demi kepentingan bersama rakyat.
 - iv. Kerajaan tidak boleh mencabul hak-hak rakyat.
 - v. Hak-hak individu merupakan sebahagian hokum semula jadi.
 - vi. Kerajaan harus disesuaikan dengan keperluan rakyat dan bukan sebaliknya.
- A. i, ii, iv, v dan vi.
 - B. i, iii dan iv.
 - C. i, ii, iii, iv, v dan vi.
 - D. iii, iv dan vi.
 - E. ii, iii, iv dan v.

34. Teori perjanjian masyarakat diperkenalkan oleh tiga orang pemikir politik iaitu:
- i. Thomas More.
 - ii. Thomas Hobbes.
 - iii. John Austin.
 - iv. Jean Jacques Rousseau.
 - v. John Mills.
 - vi. John Locke.
 - vii. Niccolo Machiavelli.
- A. i, ii dan iii.
B. ii, iii dan v.
C. ii, iv dan v.
D. ii, iv dan vi.
E. i, v dan vii.
35. Tiga faktor asas yang mempengaruhi penglibatan (atau tiada penglibatan) rakyat dalam proses politik ialah:
- i. Jenis personaliti individu.
 - ii. Orientasi dan pengaruh awal individu.
 - iii. Corak sistem dan budaya politik.
 - iv. Corak sistem pendidikan sivik.
 - v. Kedudukan masyarakat yang mempunyai hak yang sama.
 - vi. Kebebasan mengutarakan pendapat peribadi.
- A. i, ii dan iii.
B. iv, v dan vi.
C. i, iii dan v.
D. ii, iv dan vi.
E. i, ii dan v.
36. Kumpulan bersekepentingan anomik mempunyai ciri-ciri berikut:
- i. Ia timbul secara spontan.
 - ii. Ia kukuh dan kekal.
 - iii. Ia sering terlibat dalam kegiatan bercorak kekerasan.
 - iv. Ia berkisar di sekitar isu-isu tertentu.
 - v. Ia mempunyai keahlian tetap.
 - vi. Ia diwakili oleh pertubuhan yang kuat.

- A. i, ii, iii dan iv.
 - B. iii dan vi.
 - C. iv, v dan vi.
 - D. i, iii dan iv.
 - E. i, ii dan v.
37. Berikut merupakan ciri-ciri utama kumpulan pendesak:
- i. Bertujuan untuk menguasai kerajaan.
 - ii. Bertujuan untuk mempengaruhi dasar kerajaan.
 - iii. Mempertahankan kepentingan yang diperjuangkan.
 - iv. Mendapatkan kuasa secara langsung.
 - v. Mendapatkan kuasa pemerintahan.
 - vi. Menjatuhkan kerajaan yang sedia ada.
 - vii. Mendapatkan sokongan pengundi semasa pilihan raya.
- A. i dan iv.
 - B. ii dan iii.
 - C. iv dan v.
 - D. v dan vi.
 - E. i dan vii.
38. Berikut merupakan kaedah-kaedah yang tidak digunakan oleh kumpulan pendesak untuk mencapai matlamatnya.
- A. Memilih calon untuk bertanding dalam pilihan raya.
 - B. Menjalankan kegiatan penerangan.
 - C. Tawar menawar dengan pihak pemerintah.
 - D. Mengadakan tindakan mogok kerja.
 - E. Menjalankan kegiatan melobi.
39. Parti politik sering disusun berasaskan beberapa pertalian di kalangan ahlinya. Antara berikut, yang manakah bukan pertalian yang dimaksudkan?
- A. Pertalian ideologi.
 - B. Pertalian pelanggan dan penaung parti.
 - C. Pertalian pemimpin dan ahli.
 - D. Pertalian sosio-ekonomi.
 - E. Pertalian primordial.

40. Ciri-ciri yang membezakan antara parti komunis dengan parti politik demokrasi liberal ialah:
- i. Parti politik dikuasai oleh segolongan elit yang kecil.
 - ii. Parti memonopoli kuasa ekonomi.
 - iii. Parti memonopoli kuasa politik.
 - iv. Parti ialah birokrasi.
 - v. Parti dipengaruhi sosialis.
 - vi. Parti bercorak diktator.
- A. i, ii dan iii.
 - B. i, iii dan iv.
 - C. ii, iv dan vi.
 - D. iii, v dan vi.
 - E. iv, v dan vi.
41. Sistem pengundian yang membolehkan para pengundi meletakkan pilihan antara calon-calon yang bertanding dalam satu urutan ialah _____.
- A. Sistem 'first-past-the-post'.
 - B. Sistem sulung yang boleh dipindahkan.
 - C. Sistem senarai.
 - D. Sistem 'run-off ballot'.
 - E. Sistem 'second ballot'.
42. Pemerintahan totaliter merupakan satu sistem pemerintahan yang _____
- A. memberi kebebasan kegiatan politik rayat.
 - B. Menyokong dan menggalakkan pilihan raya terbuka.
 - C. Menyanjungi kewibawaan rakyat dalam menentukan corak pemerintahan.
 - D. Mengawal semua aspek kehidupan rakyat.
 - E. Memberi kebebasan kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat.
43. Parlimen di Malaysia merujuk kepada:
- i. Yang di-Pertuan Agong.
 - ii. Dewan Rakyat.
 - iii. Dewan Negara.
 - iv. Jemaah Menteri.
 - v. Perdana Menteri.

- A. i, ii dan iii.
 - B. ii dan iii.
 - C. ii, iii dan iv.
 - D. i, ii, iii dan iv.
 - E. i, ii, iii, iv dan v.
44. Tiada negara yang boleh melarikan diri dari pengaruh hubungan antarabangsa yang sering mencabar konsep asas sesebuah negara. Konsep yang dimaksudkan ialah _____.
- A. Hak asasi manusia.
 - B. Kedaulatan negara.
 - C. Pemisahan kuasa.
 - D. Kuasa.
 - E. Undang-undang antarabangsa.
45. Menurut Jean Bodin dalam bukunya *The Six Books on the State*, kerajaan yang kuat perlu diwujudkan untuk _____.
- A. Menjamin keselamatan hidup rakyat.
 - B. Menjamin kekuatan negara.
 - C. Menjalankan pemerintahan yang memenuhi citarasa rakyat.
 - D. Menjayakan demokrasi.
 - E. Menjayakan kebebasan rakyat.

Berikut merupakan satu senarai tokoh pemikir sains politik. Gunakan senarai ini untuk menjawab soalan-soalan 46-49.

- i. Mohandas Karamchand Gandhi
- ii. Confucius
- iii. Jean Bodin
- iv. Abu Hassan al Mawardi
- v. Thomas R. Dye
- vi. Charles Louis Secondat de Montesquieu
- vii. Thomas Hobbes

46. Persoalan perjuangan tanpa kekerasan telah diutarakan oleh _____.

- A. i
- B. ii
- C. iii
- D. iv
- E. vi

47. Konsep pengasingan kuasa telah diperkenalkan oleh _____ untuk menegakkan demokrasi.

- A. i
- B. ii
- C. iv
- D. v
- E. vi

48. _____ merupakan salah seorang perintis pendekatan dasar awam sebagai penggerak utama proses politik.

- A. ii
- B. iii
- C. iv
- D. v
- E. vi

49. _____ mempengaruhi corak kehidupan sebahagian besar penduduk Timur Jauh Asia.
- A. i
 - B. ii
 - C. iii
 - D. iv
 - E. vii
50. Adam Smith merupakan _____.
- A. Penyokong kebebasan politik yang menulis buku *Wealth of Nations*.
 - B. Penyokong kebebasan ekonomi yang menulis buku *Major Ideologies*.
 - C. Penyokong kebebasan ekonomi yang menulis buku *Wealth of Nations*.
 - D. Penentang perdagangan bebas yang menulis buku *Das Kapital*.
 - E. Penyokong kebebasan politik yang menulis buku *Law of Nation*.
51. Renaissance di Eropah merupakan gerakan yang meletakkan asas politik moden.
- A. Benar
 - B. Salah
52. Askriptif merupakan ukuran pemisahan kuasa dalam sistem politik moden.
- A. Benar
 - B. Salah
53. Harold Lasswell memberi definisi politik sebagai “siapa mendapat apa, bila dan bagaimana”.
- A. Benar
 - B. Salah
54. Pendekatan formal-legal merupakan satu pendekatan politik moden yang menganalisis kelakuan sebenar peserta-peserta politik.
- A. Benar
 - B. Salah

55. Autoriti diperlukan oleh semua pemerintah kerana ia merupakan jaminan kesetiaan dan sokongan rakyat.
- A. Benar
 - B. Salah
56. Ayatollah Khomeini pernah memerintah Iran kerana beliau memiliki autoriti tradisional.
- A. Benar
 - B. Salah
57. Dr. Mahathir Mohamed merupakan seorang pemimpin politik yang memiliki autoriti legal-rasional.
- A. Benar
 - B. Salah
58. Istilah politik berasal dari bahasa Parsi.
- A. Benar
 - B. Salah
59. Satu ciri politik tradisional ialah tradisi yang menjadi faktor penentu perjalanan sistem.
- A. Benar
 - B. Salah
60. Ideologi merupakan kepercayaan yang kuat terhadap sesuatu nilai.
- A. Benar
 - B. Salah
61. Penyertaan politik boleh ditakrifkan sebagai kegiatan ahli masyarakat yang bertujuan untuk mempengaruhi proses pembentukan keputusan oleh kerajaan.
- A. Benar
 - B. Salah

62. Pilihan raya jenis *plebescite* dan *referendum* sering diadakan di negara-negara autokrasi.
- A. Benar
 - B. Salah
63. Britain, Indonesia dan Norway merupakan contoh-contoh negara federal.
- A. Benar
 - B. Salah
64. India, Brazil dan Yugoslavia merupakan contoh-contoh negara unitari.
- A. Benar
 - B. Salah
65. Hubungan antara parti dengan pemerintah adalah sangat rapat dalam sistem satu parti tulen.
- A. Benar
 - B. Salah
66. Semakin banyak kos penglibatan seseorang individu dalam politik, semakin kurang kemungkinan beliau melibatkan diri.
- A. Benar
 - B. Salah
67. Negara tradisional juga dikenali sebagai negara patrimonial-feudal.
- A. Benar
 - B. Salah
68. Tiada wujud persaingan dalam sistem satu parti dominan.
- A. Benar
 - B. Salah

69. Satu ciri parti politik ialah keahliannya yang terbuka kepada orang ramai.
- A. Benar
 - B. Salah
70. CUEPACS di Malaysia, Kongres Kesatuan Sekerja di Britain dan Persekutuan Buruh Di Amerika Syarikat merupakan contoh-contoh kumpulan pendesak.
- A. Benar
 - B. Salah

(70 markah)

BAHAGIAN B (SOALAN WAJIB)

Menurut David Easton, politik merupakan “satu proses pengagihan nilai-nilai yang terhad oleh pihak berkuasa yang sah.” Bincangkan.

(30 markah)